



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

FAKTA AUDIT

MENTERI KEWANGAN (DIPERBADANKAN) KHAZANAH NASIONAL BERHAD i2M Ventures Sdn. Bhd. (i2M Ventures)

Skop Pengauditan

Pengauditan dijalankan terhadap program GBS Iskandar bagi tempoh tahun 2020 hingga Jun 2023.

Pengauditan ini juga melibatkan lima elemen amalan terbaik tadbir urus korporat. Aspek kedudukan kewangan meliputi analisis terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2020, 2021 dan 2022.

Kenapa Perlu Diaudit

i2M Ventures tidak pernah diaudit oleh Jabatan Audit Negara sejak diperbadankan pada 9 April 2012 dengan modal berbayar berjumlah RM139.21 juta.

Aktiviti utama syarikat adalah melaksanakan program GBS Iskandar untuk menarik minat syarikat berpotensi tinggi untuk beroperasi di Iskandar Puteri.

i2M Ventures menawarkan kemudahan pelaburan berbentuk perkhidmatan pemudah cara dan bantuan kewangan kepada syarikat berkecayaan.

Bagi tempoh April 2013 hingga Jun 2023, sejumlah RM78.21 juta telah disalurkan kepada 20 daripada 30 pelabur GBS Iskandar yang menerima bantuan kewangan.

Rumusan Audit

Objektif i2M Ventures untuk mempromosi, memasar dan menguruskan perniagaan di Wilayah Iskandar Puteri, Johor tidak tercapai mengikut mandat yang diluluskan oleh Kerajaan. Amalan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Kedudukan kewangan syarikat adalah bergantung sepenuhnya kepada peruntukan daripada Khazanah Nasional.

Penemuan Audit

Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Program GBS Iskandar

- 6,518 (46.7%) peluang pekerjaan diwujudkan oleh 30 pelabur.
- Jumlah *committed investment* ialah RM2.667 bilion (41%).

Pencapaian KPI Pelabur GBS Iskandar: Perjanjian Masih Berkuat Kuasa

- Enam daripada 12 pelabur mencapai sasaran.
- Lapan daripada 12 pelabur masih aktif dan beroperasi di Wilayah Iskandar Puteri, Johor.
- Pencapaian sebenar antara 12.5% hingga 322.6%.

Pencapaian KPI Pelabur GBS Iskandar: Perjanjian Telah Tamat

- Dua daripada 18 pelabur telah mencapai KPI melebihi 100%.
- Tiga daripada 18 pelabur langsung tidak mencapai sasaran.
- Pencapaian sebenar bagi 13 daripada 18 pelabur lain berbanding sasaran adalah antara 5.5% hingga 91.7%.

Tiga daripada lima elemen tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya iaitu Lembaga Pengarah, Prosedur Operasi Standard (SOP) syarikat dan Pelan Strategik serta KPI.

Syor Audit

Menggiatkan usaha untuk mempromosi Wilayah Iskandar Puteri bagi memastikan KPI program GBS Iskandar yang telah ditetapkan dapat dicapai.

	Memantau pencapaian KPI pelabur GBS Iskandar seterusnya menyalurkan dana kepada pelabur yang masih aktif. Memantapkan amalan tadbir urus korporat dalam aspek penyediaan SOP pembayaran insentif kepada pelabur. Mengkaji semula sama ada kewujudan i2M Ventures masih relevan setelah syarikat melunaskan semua komitmen dan perjanjian dengan pelabur GBS Iskandar pada tahun 2025.
--	--

MENTERI KEWANGAN (DIPERBADANKAN)

1. i2M Ventures Sdn. Bhd.

LATAR BELAKANG

1. i2M Ventures Sdn. Bhd. (i2M Ventures) ialah sebuah Syarikat Berhad Menurut Syer dengan modal berbayar berjumlah RM139.21 juta telah diperbadankan pada 9 April 2012 di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dahulunya dikenali sebagai Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]. i2M Ventures merupakan satu daripada 125 syarikat tujuan khas (SPV) milikan penuh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah Nasional) yang dikawal selia oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD]. i2M Ventures tidak menjana sebarang pendapatan operasi tetapi melaksanakan fungsinya melalui peruntukan kewangan yang diberikan secara langsung oleh Khazanah Nasional.

2. Objektif penubuhan i2M Ventures adalah mempromosi, memasarkan dan menguruskan perniagaan di Wilayah Iskandar Puteri, Johor (Iskandar Puteri). Keluasan Iskandar Puteri adalah 338.5 kilometer persegi (1.8%) daripada keluasan Negeri Johor seluas 19,166 kilometer persegi. Kedudukan Iskandar Puteri adalah seperti dalam **Rajah 1**.

Rajah 1: Peta Wilayah Iskandar Puteri




Sumber: Laman web en.wikipedia.org/wiki/File:Districts_and_PBT_of_Johor.svg

Aktiviti utama dan model pengurusan

3. Aktiviti utama syarikat adalah melaksanakan program Perkhidmatan Perniagaan Global Iskandar (GBS Iskandar) bertujuan untuk menarik minat syarikat berpotensi tinggi untuk beroperasi di Iskandar Puteri. Bagi tujuan tersebut, i2M Ventures menawarkan kemudahan pelaburan berbentuk perkhidmatan pemudah cara¹ dan bantuan kewangan² kepada syarikat yang berkecenderungan.

4. Secara umumnya, model pengurusan i2M Ventures adalah seperti dalam **Rajah 2** manakala syarikat, peranan dan punca kuasa berkaitan program GBS Iskandar adalah seperti dalam **Jadual 1**.

Rajah 2: Model Pengurusan i2M Ventures



Sumber: i2M Ventures

¹ Bantuan bukan kewangan merujuk kepada perkhidmatan pemudah cara adalah termasuk pembangunan perniagaan dan kemudahan selepas pelaburan bagi memudahkan syarikat yang berkecenderungan untuk mengembangkan perniagaan.

² Syarikat yang berkecenderungan diberikan bantuan kewangan yang membantu menampung kos operasi penubuhan syarikat di Iskandar Puteri.

Jadual 1: Syarikat, Peranan Dan Punca Kuasa

BIL.	NAMA SYARIKAT	PERANAN	PUNCA KUASA
1.	Khazanah Nasional	- Menyediakan peruntukan bantuan kewangan. - Syarikat induk kepada Iskandar Investment Berhad dan i2M Ventures.	Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Bil. 64/2012-2 bertarikh 3 Julai 2012
2.	i2M Ventures	- Syarikat yang ditubuhkan untuk mempromosi, memasarkan dan menguruskan perniagaan di Iskandar Puteri, Johor. - Melaksanakan dan memantau program GBS Iskandar.	- Perjanjian Tahap Perkhidmatan - Perjanjian Bantuan Kewangan - Perjanjian Kemudahan
3.	Iskandar Investment Berhad	Syarikat induk kepada IIBV.	Perjanjian Tahap Perkhidmatan
4.	Iskandar Investment Berhad Ventures Sdn. Bhd.	Mengambil alih fungsi pentadbiran dan memantau penyaluran bantuan kewangan mulai 1 Mei 2020.	Perjanjian Tahap Perkhidmatan
5.	Pelabur GBS Iskandar	- Mencapai sasaran yang ditetapkan oleh i2M Ventures berdasarkan Perjanjian Bantuan Kewangan/Perjanjian Kemudahan. - Mengemukakan laporan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tujuan pemantauan.	- Perjanjian Bantuan Kewangan - Perjanjian Kemudahan

Sumber: Perjanjian Tahap Perkhidmatan, Perjanjian Bantuan Kewangan, Perjanjian Kemudahan dan minit mesyuarat.

Pengambilalihan fungsi pentadbiran i2M Ventures

5. i2M Ventures telah memeterai Perjanjian Tahap Perkhidmatan dengan Iskandar Investment Berhad (Iskandar Investment) dan syarikat subsidiarinya iaitu Iskandar Investment Berhad Ventures Sdn. Bhd. (IIBV) pada 1 Mei 2020 bertujuan melantik IIBV bagi mengambil alih fungsi pentadbiran i2M Ventures. Mulai tarikh tersebut, i2M Ventures menjadi SPV tanpa pengurusan dan IIBV diberi tanggungjawab memantau penyaluran bantuan kewangan bagi menguruskan baki dana yang belum disalurkan oleh i2M Ventures. IIBV mengenakan yuran perkhidmatan sejumlah RM5.50 juta untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut bagi tempoh lima tahun mulai 1 Mei 2020 sehingga 30 April 2025.

PENEMUAN AUDIT

6. Pengauditan telah dijalankan pada Ogos hingga November 2023. Objektif, skop dan metodologi pengauditan seperti dinyatakan di **Lampiran 1**. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada i2M Ventures telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 23 Januari 2024. Maklum balas telah diterima pada 16 Januari dan 2 Februari 2024.

PRESTASI AKTIVITI

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

7. Semakan Audit terhadap status pencapaian tiga KPI utama program GBS Iskandar yang dikemukakan oleh Khazanah Nasional mendapati setakat 30 Jun 2023, sebanyak 6,518 peluang pekerjaan (46.7%) telah diwujudkan oleh 30 syarikat pelabur yang menyertai program GBS Iskandar dengan *committed investment* berjumlah RM2.667 bilion (41%). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: Pencapaian KPI Utama Program GBS Iskandar Setakat 30 Jun 2023

KPI UTAMA	SASARAN	SEBENAR	PERATUS (%)
Pekerjaan (Bilangan)	13,949	6,518	46.7
<i>Committed Investment</i> (RM Bilion)	6.500	2.667	41.0
Pelabur (Bilangan syarikat)	40	30	75.0

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Khazanah Nasional Bilangan 17/167/2018-2 dan Bahagian Pelaburan Malaysia, Khazanah Nasional

Maklum balas i2M Ventures

KPI utama program GBS Iskandar tidak tercapai disebabkan pada peringkat awal kekurangan peluang perniagaan, kemudahan asas dan pusat rekreasi untuk menarik minat pekerja dan bilangan pekerjaan. Penambahbaikan ekosistem dan kebolehdiaman mengambil masa dan kemudahan di Iskandar Puteri hanya giat dibangunkan mulai tahun 2015.

Pembangunan di Iskandar Puteri bergantung kepada kerjasama pemegang taruh seperti Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, pemain industri dan pihak swasta. Selain itu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 hingga 2022 telah membantutkan perkembangan ekonomi setempat.

8. Semakan Audit terhadap pencapaian KPI 12 pelabur GBS Iskandar yang masih dalam perjanjian dalam tempoh tahun 2020 hingga 2022 mendapati **pencapaian sebenar adalah antara 12.5% hingga 322.6%. Hanya enam pelabur GBS Iskandar telah mencapai KPI melebihi 100%** iaitu empat pelabur pada tahun 2020, satu pelabur pada tahun 2021 dan satu pelabur pada tahun 2022. Selain itu, setakat September 2023, **hanya lapan pelabur GBS Iskandar yang masih aktif dan beroperasi** di Iskandar Puteri.

Maklum balas i2M Ventures

Pelabur mencapai KPI di bawah 100% kerana syarikat mengurangkan pengambilan tenaga kerja untuk mengoptimumkan operasi sebagai langkah menghadapi wabak Covid-19 dan mematuhi syarat pelaksanaan PKP. Selain itu, pelabur telah mendigitalkan operasi dan proses dalaman syarikat yang turut mengakibatkan pengurangan dalam pengambilan tenaga kerja baharu.

Pelabur yang mencapai KPI di bawah 50% menghadapi kesukaran untuk menjalankan operasi kerana penangguhan dan pembatalan projek oleh pelanggan berikutan pelaksanaan PKP akibat wabak Covid-19.

	9. Analisis Audit terhadap 18 pelabur GBS Iskandar yang telah tamat perjanjian mendapati sebanyak dua pelabur telah mencapai sasaran yang ditetapkan, manakala tiga pelabur langsung tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dengan satu pelabur ditamatkan perjanjian dalam tempoh satu tahun selepas perjanjian dimeterai. Bagi baki 13 pelabur pula, pencapaian sebenar berbanding sasaran yang ditetapkan adalah antara 5.5% hingga 91.7%.
Maklum balas i2M Ventures	Dua pelabur yang langsung tidak mencapai sasaran telah menarik diri daripada program GBS Iskandar dan tiada operasi perniagaan yang dijalankan. Selain itu, prestasi satu syarikat telah merudum selepas beroperasi selama setahun. i2M Ventures telah menyaman syarikat tersebut untuk mendapatkan balik (clawback) bantuan kewangan yang telah disalurkan kepada pelabur tersebut sebanyak RM425,174 (25%). Hanya satu daripada 13 pelabur masih beroperasi di Iskandar Puteri manakala 12 pelabur lain telah berpindah lokasi perniagaan.
Pendapat Audit	Prestasi pencapaian KPI program GBS Iskandar adalah kurang memuaskan kerana hanya 46.7% bilangan pekerjaan diwujudkan, 41% <i>committed investment</i> diperoleh dan 75% bilangan pelabur dapat ditarik. Bagi tahun 2020 hingga 2022, prestasi pencapaian pelabur GBS Iskandar juga tidak memuaskan kerana hanya lapan (26.7%) daripada 30 pelabur mencapai sasaran yang ditetapkan. Selain itu, hanya lapan (26.7%) pelabur GBS Iskandar yang masih beroperasi di Iskandar Puteri walaupun RM78.21 juta bantuan kewangan telah disalurkan.
Prestasi Penyaluran Bantuan Kewangan	10. Semakan Audit mendapati sejumlah RM138.90 juta diperuntukkan kepada i2M Ventures oleh Khazanah Nasional bagi tujuan penyaluran bantuan kewangan kepada pelabur GBS Iskandar. Sumber kewangan tersebut diperoleh dengan penerbitan saham keutamaan boleh tukar boleh tebus (redeemable convertible preference share) oleh Khazanah Nasional. 11. Bagi tempoh April 2013 hingga Jun 2023, sejumlah RM78.21 juta telah disalurkan kepada 20 daripada 30 pelabur GBS Iskandar yang menerima bantuan kewangan. Sejumlah RM52.09 juta (37.5%) daripada jumlah peruntukan merupakan dana yang tidak dibelanjakan (surrendered). Antara sebab pengurangan <i>customised incentives</i>³ adalah bilangan tenaga pekerja pelabur GBS Iskandar tidak mencapai

³ Bantuan kewangan yang disalurkan kepada pelabur GBS Iskandar bagi membantu menampung kos operasi penubuhan syarikat.

sasaran KPI dan tidak mematuhi perjanjian. Selain itu, baki RM8.60 juta ialah baki dana yang belum disalurkan kepada laman pelabur yang masih aktif di Iskandar Puteri. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 3**.

Jadual 3: Penyaluran Bantuan Kewangan Bagi Tempoh April 2013 Hingga Jun 2023

BIL.	SYARIKAT	JUMLAH CI (RM Juta)	JUMLAH DISALURKAN (RM Juta)	DANA YANG TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)	BAKI BELUM DISALURKAN (RM Juta)	PERJANJIAN YANG MASIH BERKUAT KUASA
1.	Syarikat A	22.98	19.54	1.30	2.14	Ya
2.	Syarikat B	10.00	10.00	-	-	Tidak
3.	Syarikat C	0.60	0.02	-	0.58	Ya
4.	Syarikat D	9.52	2.96	6.56	-	Tidak
5.	Syarikat E	1.27	0.56	0.71	-	Tidak
6.	Syarikat F	0.49	0.45	0.04	-	Tidak
7.	Syarikat G	1.10	0.45	-	0.65	Ya
8.	Syarikat H	6.12	4.33	-	1.79	Ya
9.	Syarikat I	28.60	6.40	22.20	-	Tidak
10.	Syarikat J	1.67	0.42	1.25	-	Tidak
11.	Syarikat K	0.10	-	-	0.10	Ya
12.	Syarikat L	4.15	1.25	-	2.90	Ya
13.	Syarikat M	11.32	11.32	-	-	Tidak
14.	Syarikat N	7.26	6.21	0.65	0.40	Ya
15.	Syarikat O	0.80	-	0.80	-	Tidak
16.	Syarikat P	27.69	10.41	17.28	-	Tidak
17.	Syarikat Q	0.10	0.06	-	0.04	Ya
18.	Syarikat R	0.30	-	0.30	-	Tidak
19.	Syarikat S	2.39	1.44	0.95	-	Tidak
20.	Syarikat T	2.44	2.39	0.05	-	Tidak
JUMLAH		138.90	78.21	52.09	8.60	

Sumber: Bahagian Pelaburan Malaysia, Khazanah Nasional

Nota: CI - *Customised Incentives*

Pendapat Audit

Prestasi penyaluran bantuan kewangan i2M Ventures adalah memuaskan. Sejumlah RM78.21 juta (56.3%) daripada RM138.90 juta peruntukan telah disalurkan kepada pelabur GBS Iskandar manakala RM52.09 juta (37.5%) dana tidak dibelanjakan disebabkan prestasi pelabur GBS Iskandar tidak mencapai sasaran KPI. Baki peruntukan berjumlah RM8.60 juta (6.2%) pula merupakan baki dana yang belum disalurkan kepada pelabur yang masih aktif.

Impak Program GBS Iskandar

12. Semakan Audit terhadap Laporan Pencapaian i2M Ventures mendapati setakat Jun 2023, GBS Iskandar telah memberi peluang sebanyak 3,925 pekerjaan dengan purata gaji bulanan antara RM4,000 hingga RM5,905. Selain itu, Kerajaan menerima pulangan

berbentuk hasil cukai yang dianggarkan berjumlah RM209.90 juta⁴ (207.6%) iaitu bagi setiap RM1 bantuan kewangan yang disalurkan Kerajaan mendapat pulangan RM2.68 dalam bentuk cukai pendapatan.

13. Program GBS Iskandar juga memberi pulangan secara tidak langsung kepada Khazanah Nasional melalui penyewaan ruang pejabat dengan keluasan 167,574 kaki persegi (23.2%) daripada keseluruhan ruang seluas 721,297 kaki persegi di Iskandar Puteri yang dimiliki oleh dua syarikat subsidiarinya iaitu Medini Iskandar Malaysia Sdn. Bhd. dan Pulau Indah Ventures Sdn. Bhd.. Semakan Audit terhadap Jadual Pendapatan Sewaan Ruang Pejabat Tahun 2023 mendapati hasil sewaan yang diperoleh daripada 17 pelabur GBS Iskandar berjumlah RM24.41 juta.

Pendapat Audit

Program GBS Iskandar berjaya memberi impak positif kepada Kerajaan dan Khazanah Nasional dalam bentuk hasil cukai dan hasil sewa yang dikutip.

**PENGURUSAN
AKTIVITI**

14. **Pengurusan Pemilihan Pelabur.** *i2M Business Development Framework* menetapkan penyediaan dokumen dan kelulusan yang perlu diperoleh bagi pemilihan syarikat yang layak menyertai program GBS Iskandar. Semakan Audit terhadap lima pelabur yang masih berstatus aktif dengan perjanjian masih berkuat kuasa bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 mendapati kesemua pelabur telah mematuhi kriteria yang ditetapkan. Bagaimanapun, **dokumen sokongan yang disediakan adalah tidak lengkap** seperti ketiadaan bukti semakan pada borang prakelayakan pelabur (pre-qualification form) serta dokumen perjanjian kerahsiaan antara i2M Ventures dan pelabur (non-disclosure agreement) tidak ditandatangani disebabkan migrasi sistem dan peralihan pengurusan.

**Maklum balas
i2M Ventures**

Setiap proses pemilihan pelabur mempunyai dokumen dan kelulusan yang telah diperoleh daripada Lembaga Pengarah i2M Ventures dan Ketua Pengarah Khazanah Nasional. Bagaimanapun, disebabkan i2M Ventures telah berpindah lokasi, migrasi sistem dan pertukaran pegawai semasa tempoh peralihan pengurusan i2M Ventures kepada Iskandar Investment menyebabkan rekod dan dokumen yang diperlukan tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit.

15. **Pengurusan Penyaluran Bantuan Kewangan.** Analisis Audit terhadap sembilan sampel baucar bayaran kepada pelabur GBS Iskandar yang menerima penyaluran bantuan kewangan pada tahun 2022 mendapati semua baucar bayaran bagi tuntutan *customised incentives* disokong dengan dokumen yang lengkap.

⁴ Bahagian Pelaburan Malaysia, Khazanah Nasional

	Bagaimanapun, proses pembayaran tuntutan <i>customised incentives</i> didapati mengambil masa antara 29 hingga 124 hari.
Maklum balas i2M Ventures	Proses pembayaran bergantung kepada kesempurnaan dokumen yang diterima daripada pelabur GBS Iskandar. Pihak IIBV tidak mengesyorkan pembayaran <i>customised incentives</i> sehingga dokumentasi yang diberikan kepada IIBV adalah lengkap.
Pendapat Audit	Pengurusan pemilihan pelabur GBS Iskandar adalah memuaskan namun dokumen sokongan yang disediakan adalah tidak lengkap. Selain itu, pengurusan penyaluran bantuan kewangan kepada pelabur GBS Iskandar adalah memuaskan namun tempoh pembayaran kepada pelabur GBS Iskandar mengambil masa sehingga 124 hari.

TADBIR URUS KORPORAT

Tiga elemen tadbir urus korporat tidak diamalkan	16. Secara keseluruhannya, i2M Ventures hanya mengamalkan dua daripada lima elemen amalan terbaik tadbir urus korporat di peringkat i2M Ventures sebagai SPV iaitu amalan oleh Pengerusi dan Setiausaha Syarikat. Elemen amalan terbaik tadbir urus korporat yang tidak diamalkan sepenuhnya bagi elemen Lembaga Pengarah, Prosedur Operasi Standard (SOP) serta Pelan Strategik dan KPI adalah seperti dalam Jadual 4 .
---	---

Jadual 4: Penemuan Audit Berkaitan Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat

ELEMEN	PENEMUAN AUDIT
Lembaga Pengarah	Semua keputusan perniagaan dibuat secara Resolusi Lembaga Pengarah (DCR) kerana mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan di peringkat i2M Ventures selepas IIBV melaksanakan fungsi pentadbiran bagi pihak i2M Ventures. Antara perkara yang diluluskan secara DCR adalah pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah; kelulusan untuk hapus kira/pelupusan aset tetap; pelantikan Setiausaha Syarikat; dan kelulusan penyata kewangan beraudit.
Prosedur Operasi Standard	Proses pembayaran tuntutan <i>customised incentives</i> didapati mengambil masa antara 29 hingga 124 hari. Perkara ini disebabkan tiada SOP berkaitan tatacara kewangan disediakan.
Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	i2M Ventures tidak menyediakan pelan strategik yang khusus bagi operasi syarikat kerana status syarikat yang merupakan SPV. Bagaimanapun, perkara strategi dan pelan tindakan untuk i2M Ventures kali terakhir ada dibentangkan dan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Pelaburan (Investment Committee) pada Mac 2020. Antara perkara yang dibentangkan adalah pencapaian program GBS Iskandar, isu berbangkit, hala tuju syarikat dan risiko. i2M Ventures tidak menetapkan KPI yang khusus kerana status syarikat adalah SPV. Bagaimanapun, i2M Ventures ada menetapkan sasaran KPI bagi pelabur GBS Iskandar dalam perjanjian dan memantau sasaran yang perlu dicapai oleh syarikat yang menerima kemudahan pelaburan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum balas i2M Ventures	i2M Ventures merupakan SPV dan dimiliki sepenuhnya oleh Khazanah Nasional. i2M Ventures tidak lagi beroperasi setelah memeterai Perjanjian Tahap Perkhidmatan dengan Iskandar Investment serta IIBV. Oleh itu, mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan.
----------------------------------	---

SOP berkenaan proses pembayaran insentif kepada pelabur telah dikemas kini oleh Iskandar Investment dan dijangka selesai pada 30 Jun 2024.

Pelan strategik i2M Ventures telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 25 Mac 2019. Setelah fungsi pentadbiran i2M Ventures diambil alih oleh Iskandar Investment dan IIBV pada tahun 2020, pelan strategik i2M Ventures adalah mengikut *Business Plan* IIBV yang telah diluluskan pada 2 Disember 2020.

Pendapat Audit **Amalan tadbir urus korporat i2M Ventures adalah memuaskan.**

KEDUDUKAN KEWANGAN

17. i2M Ventures adalah syarikat yang tidak menjana pendapatan yang diberi tanggungjawab untuk menyalurkan bantuan kewangan kepada pelabur GBS Iskandar dengan menggunakan peruntukan yang diperoleh daripada Khazanah Nasional. Pendapatan i2M Ventures terdiri daripada pendapatan sewa, faedah dan pendapatan lain.

18. Analisis Audit dijalankan terhadap kedudukan kewangan i2M Ventures bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; aset dan liabiliti; nisbah kewangan; serta analisis aliran tunai. Kedudukan kewangan i2M Ventures bagi tempoh dinilai adalah seperti dalam **Jadual 5**.

Jadual 5: Kedudukan Kewangan i2M Ventures Bagi Tahun 2020, 2021 Dan 2022

BUTIRAN	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)
Pendapatan Sewa	1,044,780	14,636	87,818
Pendapatan Faedah	6,681	2,553	1,703
Pendapatan Lain	-	-	5,203
JUMLAH PENDAPATAN LAIN	1,051,461	17,189	94,724
<i>Customised Incentives</i>	9,264,293	2,503,262	2,686,879
Fi Pengurusan	1,451,992	704,389	531,437
Kos Pekerja	1,148,787	-	-
Perbelanjaan Lain	2,290,773	214,533	108,729
Pembalikan Kerugian Rosot Nilai ke atas Penghutang Lain	-	-	(419,447)
JUMLAH PERBELANJAAN	14,155,845	3,422,184	2,907,598
KERUGIAN SEBELUM CUKAI	(13,104,384)	(3,404,995)	(2,812,874)
KERUGIAN TERKUMPUL	(129,242,469)	(132,647,464)	(135,460,338)
JUMLAH ASET	6,744,276	5,041,573	4,098,228
JUMLAH LIABILITI	3,094,753	475,045	350,574
JUMLAH EKUITI	3,649,523	4,566,528	3,747,654
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	6,744,276	5,041,573	4,098,228
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	2,076,045	1,589,701	1,239,993

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022


19. Perbelanjaan i2M Ventures meliputi *customised incentives*, fi pengurusan, kos pekerja dan perbelanjaan lain. *Customised incentives* merupakan perbelanjaan terbesar i2M Ventures iaitu antara RM2.50 juta (73.1%) hingga RM9.26 juta (65.4%) bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022. Perbelanjaan i2M Ventures merekodkan trend penurunan bagi tahun 2020 hingga 2022 terutamanya melibatkan perbelanjaan fi pengurusan disebabkan oleh pengurusan i2M Ventures telah diambil oleh IIBV mulai tahun 2020.

20. Kedudukan kewangan i2M Ventures adalah kurang stabil dengan kerugian terkumpul berjumlah RM135.46 juta setakat tahun 2022. Bagaimanapun, **keseluruhan perbelanjaan operasi dan geran dibiayai secara langsung oleh Khazanah Nasional**. Trend kerugian sebelum cukai dan kerugian terkumpul bagi tiga tahun berkaitan adalah seperti dalam **Carta 1** dan **Carta 2**.

Carta 1: Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2020, 2021 Dan 2022



Carta 2: Trend Kerugian Sebelum Cukai Dan Kerugian Terkumpul Bagi Tahun 2020, 2021 Dan 2022



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

Maklum balas i2M Ventures

Kedudukan kewangan i2M Ventures dilihat kurang stabil kerana objektif utama syarikat adalah untuk menguruskan geran/insentif kepada syarikat yang berminat untuk berpangkalan di Iskandar Puteri. i2M Ventures tidak menjana sebarang pendapatan daripada operasi. Semua perbelanjaan operasi dan geran dibiayai sepenuhnya oleh Khazanah Nasional.

Pendapat Audit

i2M Ventures menanggung kerugian terkumpul berjumlah RM135.46 juta setakat tahun 2022 namun masih berupaya untuk menampung obligasinya kerana i2M Ventures dibiayai secara langsung oleh Khazanah Nasional selaras dengan tujuan penubuhannya sebagai entiti bukan berasaskan keuntungan.

**RUMUSAN
KESELURUHAN
AUDIT**

21. Secara keseluruhannya, objektif i2M Ventures untuk mempromosi, memasarkan dan menguruskan perniagaan di Iskandar Puteri tidak tercapai mengikut mandat yang diluluskan oleh Kerajaan. Amalan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Kedudukan kewangan syarikat pula bergantung sepenuhnya kepada peruntukan daripada Khazanah Nasional.

SYOR AUDIT

22. Iskandar Investment dan IIBV perlu menggiatkan usaha untuk mempromosi Iskandar Puteri bagi memastikan KPI program GBS Iskandar yang telah ditetapkan dapat dicapai.

23. Iskandar Investment dan IIBV perlu memantau pencapaian KPI pelabur GBS Iskandar seterusnya menyalurkan dana kepada pelabur yang masih aktif.

24. Iskandar Investment perlu memantapkan amalan tadbir urus korporat dalam aspek penyediaan SOP pembayaran insentif kepada pelabur.

25. Khazanah Nasional perlu mengkaji semula sama ada kewujudan i2M Ventures masih relevan setelah syarikat melunaskan semua komitmen dan perjanjian dengan pelabur GBS Iskandar pada tahun 2025.

OBJEKTIF, SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**OBJEKTIF
PENGAUDITAN**

1. Pengauditan dilaksanakan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan i2M Ventures dalam menyalur bantuan kewangan dan bukan kewangan bagi aktiviti mempromosi, memasarkan dan menguruskan perniagaan di Iskandar Puteri melalui program GBS Iskandar telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

**SKOP
PENGAUDITAN**

2. Pengauditan ini melibatkan penilaian aktiviti utama i2M Ventures bagi tempoh tahun 2020 hingga Jun 2023. Dua bidang utama Audit yang dinilai ialah prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti. Penilaian prestasi melibatkan pencapaian KPI, penyaluran bantuan kewangan dan impak program GBS Iskandar. Penilaian pengurusan aktiviti pula dibuat terhadap pelaksanaan program GBS Iskandar. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan senarai syarikat yang menyertai program GBS Iskandar setakat Jun 2023.

3. Selain itu, pengauditan melibatkan penilaian terhadap lima elemen amalan terbaik tadbir urus korporat yang dilaksanakan di peringkat i2M Ventures iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat; SOP serta Pelan Strategik dan KPI. Penilaian dilaksanakan meliputi tahun 2020 hingga Jun 2023.

4. Kedudukan kewangan pula dinilai berdasarkan analisis terhadap penyata kewangan beraudit i2M Ventures tahun 2020, 2021 dan 2022. Pengauditan dijalankan di pejabat i2M Ventures yang terletak di Bandar Medini, Johor.

**METODOLOGI
PENGAUDITAN**

5. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, kontrak, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan i2M Ventures serta menganalisis data berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga dijalankan untuk mendapatkan maklumat lanjut.